



EON Inspirasi
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

Rahsia Lebah
Sains vs Alquran

Warisan Semulajadi Geologi
Hubungan dengan Flora dan Fauna

Basic Navigation in Forest
Tips and tricks



ISSN 2773-5869




9 772773 586005



Makalah Akademia



IMPAK GIGITAN SENGKENIT DAN PENYAKIT LYME YANG MEMUDARATKAN KESIHATAN DAN KUALITI HIDUP



Oleh

Norrina Din, Noorliza Zainol, Mohamad Azli
Razali, Noorsa Riza Johari dan Farafazliani
Mohamed

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan,
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan
Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh,
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

norrina.din@uitm.edu.my

EDITOR: DR. AIDA SYAFINAZ MOKHTAR

Spesis sengkent dan kesan jangkitan terhadap kesihatan dan kualiti hidup

Sengkent adalah vektor ektoparasit yang menyebarkan pelbagai penyakit kepada manusia dan haiwan. Ia merupakan vektor yang sangat bahaya selepas nyamuk (Cruz et al., 2021). Terdapat hampir 900 spesis sengkent di seluruh dunia termasuk. Di Malaysia, sengkent juga dikenali sebagai kutu babi. Sengkent merupakan serangga mikroskopis yang termasuk dalam kelompok Arachnida yang menghisap darah dan menjangkiti manusia malah haiwan seperti binatang ternakan seperti lembu, kerbau dan kambing yang menyebabkan berlakunya isu keselamatan makanan kerana kekurangan sumber bekalan makanan disebabkan oleh penyakit bawaannya (Cruz et al., 2021).

Hal ini tidak boleh dipandang remeh, kerana apa yang membimbangkan sekarang ini ialah penyakit bawaan sengkent ini semakin meningkat dan telah menggugat kesihatan sejagat di seluruh dunia yang pasti menyebabkan kesihatan dan kualiti hidup kita terganggu (Randolf, 2004).

1 Mei telah diisytiharkan sebagai Hari Sengkent Sedunia. Walaupun kedengaran agak janggal, isu ini perlu diberi perhatian dan ianya sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goal* (SDG) iaitu kesihatan dan kesejahteraan yang baik, keselamatan makanan dan perubahan iklim.

Menurut laporan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC), pada sekitar tahun 2010 hingga 2022, terdapat 111000 kes Sindrom Alpha-gal (AGS) hanya di Amerika Syarikat sahaja. Malah penyakit bawaan sengkent ini juga menyebabkan penyakit Lyme yang meningkat sehingga 476,000 kes. Walaubagaimanapun, data berkaitan penyakit ini tidak dapat dianggarkan secara tepat di Malaysia. Sindrom Alpha-gal (AGS) adalah keadaan alahan yang serius dan boleh mengancam nyawa. AGS juga dipanggil alahan alpha-gal, alahan daging merah, atau alahan daging gigitan sengkent. AGS bukan disebabkan oleh jangkitan tetapi gejala AGS berlaku selepas orang makan daging merah atau terdedah kepada produk lain yang mengandungi alpha-gal (Snow et al., 2023). Jadi, jika anda mempunyai sejarah alahan makanan maka berhati hatilah dalam memilih makanan. Selain itu juga, penyakit Lyme terjadi disebabkan oleh jangkitan patogen *Borrelia burgdorferi* dan *Borrelia mayonii*. Jika anda terkena gigitan sengkent ini, maka amat wajar untuk untuk mengetahui simptom penyakit Lyme. Jika dibiarkan ianya boleh mengundang maut.

Berikut merupakan gejala awal penyakit Lyme:

- Bulatan seperti cincin kemerahan yang berkembang di sekitar kawasan gigitan yang selalunya kelihatan seperti mata lembu.
- keletihan, menggigil, kekejangan otot dan sendi, nodus limfa bengkak dan/atau sakit kepala
- pada fasa awal; minggu hingga bulan selepas ruam hilang, gejala termasuk sakit boleh berpindah pada sendi, sakit leher, dan kebas pada bahagian kaki
- pembesaran kelenjar limfa
- sakit tekak, denyutan nadi yang tidak normal
- demam, perubahan dalam penglihatan atau keletihan

Habitat sengkenit

Habitat sengkenit ini ialah di dalam hutan dan padang rumput. Ianya bukan sahaja didapati ni negara kita malah di negara yang beriklim sejuk seperti di Amerika Syarikat dan juga negara Asia lain. Sengkenit umumnya aktif pada musim panas dan musim gugur, ketika suhu dan kelembapan udara cenderung untuk lebih tinggi. Habitatnya terganggu oleh aktiviti manusia seperti penebangan pokok yang berleluasa. Perubahan iklim merupakan faktor yang menyebabkan penyakit bawaan sengkenit ini semakin menular. Sengkenit betina mudah dikenali dengan kehadiran satu titik putih di tengah badannya yang berwarna coklat, manakala sengkenit jantan pula mempunyai bintik-bintik atau jalur pigmen putih di sekeliling luar badannya. Sengkenit betina memerlukan seminggu hingga sepuluh hari atau lebih untuk membesar dan ianya boleh menghasilkan sekitar 2,500 hingga 3,000 biji telur.



Gambar 1: Gigitan sengkenit. Sumber: Cruz et al., 2021

Aktiviti dan risiko gigitan sengkenit

Magnavita et al. (2022) telah menjalankan kajian yang menyeluruh dan mendapati bahawa golongan dibawah ini lebih berisiko mendapat gigitan dan mendapat jangkitan:

- Mereka yang tinggal atau bekerja di kawasan geografi yang sangat endemik
- Melakukan pekerjaan luar atau aktiviti riadah seperti kerja perhutanan, bertani, memburu dan mendaki
- kategori pekerja seperti doktor haiwan, penternak haiwan dan askar

Kawasan yang dikenalpasti menjadi sasaran sengkenit

Saiz sengkenit akan membesar dan akan jelas kelihatan jika ianya menghisap darah yang banyak. Antara tempat yang sering menjadi tumpuan ialah di kawasan seperti di kelopak mata, pusat, cuping telinga dan dalam telinga. Ianya tidak terbang atau melompat tetapi ianya merayap di badan mangsa.

Apa perlu anda buat jika digigit sengkenit

1. Anda perlu membuangnya secepat mungkin dengan menggunakan teknik dan alatan yang betul. Ini kerana, jika ianya berada pada badan sehingga 36 jam, anda berisiko untuk mendapat jangkitan penyakit Lyme
2. Doktor akan memberikan ubat-ubatan yang bersesuaian dengan anda seperti antibiotik dan ubat sapuan yang lain untuk memastikan anda bebas daripada sebarang infeksi.



Gambar 2: Endoskopi yang menunjukkan sengkenit memasuki lubang telinga manusia yang menyebabkan kegatalan dan kesakitan yang teruk sehingga mengganggu tidur dan kualiti hidup. Sumber: Koleksi penulis

Jika anda mengalami gigitan sekenit, cara terbaik untuk membuangnya adalah dengan mengambil langkah berikut:

1. Tarik perlahan-lahan tetapi kuat dengan pin tumpul berhampiran kepala sengkenit pada paras kulit sehingga ia melepaskan cengkamannya pada kulit anda.
2. Elakkan daripada menghancurkan badan sengkenit atau mengendalikan kutu dengan jari kosong kerana anda boleh mendedahkan diri anda kepada bakteria bawaan sengkenit.
3. Basuh kawasan gigitan dengan teliti dengan sabun dan air.
4. Jangan gunakan minyak tanah, jeli petroleum atau puntung rokok panas untuk menghilangkan atau mematikan sengkenit
5. Jangan picit badan sengkenit dengan jari atau pin.

Rujukan:

- Cruz, R. R., García, D. I. D., Silva, S. L., & Domínguez, F. R. (2021). Integrated management of the cattle tick *Rhipicephalus (Boophilus) microplus* (Acari: Ixodidae) and the acaricide resistance mitigation. In *Insecticides*. IntechOpen.
- Magnavita, N., Capitanelli, I., Ilesanmi, O., & Chirico, F. (2022). Occupational Lyme disease: A systematic review and meta-analysis. *Diagnostics*, *12*(2), 296.
- Randolph, S. E. (2004). Evidence that climate change has caused 'emergence' of tick-borne diseases in Europe?. *International Journal of Medical Microbiology Supplements*, *293*, 5-15.
- Snow, A. A., Pearson, P., Xu, G., Allen, D. N., Santamaria, R., & Rich, S. M. (2023). Tick Densities and Infection Prevalence on Coastal Islands in Massachusetts, USA: Establishing a Baseline. *Insects*, *14*(7), 628.